

## Pakai kanta lekap tidak jejas solat

**?** Apa hukum penggunaan kanta lekap semasa solat. Adakah sah solatnya.

**!** Terima kasih atas persoalan yang menarik ini. Sebenarnya permasalahan kanta sentuh ini hangat diperkatakan kerana ia sudah menjadi fenomena anak muda zaman ini. Ada dua tujuan seseorang itu memakai kanta iaitu bagi tujuan perubatan dan perhiasan.

Seseorang yang memakai kanta lekap untuk mengurangkan masalah rabun mata yang dihadapi sebagai ganti kepada cermin mata, maka hukum memakainya adalah dibenarkan selagi ia tidak mendatangkan mudarat.

Tujuan penggunaan hanya sekadar perhiasan dan bukan disebabkan oleh masalah mata adalah dibenarkan untuk lelaki dan wanita selagi ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Antara syarat yang ditetapkan ulama berhubung perhiasan diri, ia tidak mendatangkan fitnah.

### Tiga hukum

Ia juga tidak mengubah ciptaan Allah, bukan bertujuan untuk melakukan pemalsuan, tidak menyerupai perbuatan atau budaya orang bukan Islam, tidak berlebihan sehingga membazir, tidak memudaratkan jiwa, anggota tubuh dan harta.

Merujuk kepada syarat-syarat itu, dapatlah disimpulkan penggunaan kanta sentuh untuk tujuan perhiasan diri terbahagi kepada tiga hukum iaitu harus jika penggunaannya tidak bercanggah dengan syarat yang ditetapkan.

Makruh jika penggunaan kanta sentuh pada mata itu berkemungkinan (pemakai tidak yakin terhadap kesannya) akan menyebabkan kepada pembaziran.

Adapun penggunaan kanta sentuh dalam ibadah seperti solat tidak akan menjejaskan ibadah itu kerana mata di bahagian dalamnya tidak wajib dibasuh atau disampaikan air ketika mengambil wuduk atau ketika mandi wajib.

## SOAL JAWAB AGAMA

Sesiapa yang ada kemusykilan berhubung perubatan Islam boleh mengemukakan soalan ke [bhagama@bh.com.my](mailto:bhagama@bh.com.my)

# Pendapatan isteri hak mutlak

**Haram pasangan guna duit gaji tanpa izin atau sengaja**



**DR MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM**

Penulis ialah pensyarah Fiqh Kepenggunaan Semasa Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

**?** Apa hukumnya menggunakan wang pendapatan isteri.

**!** Menggunakan hasil pendapatan isteri tanpa izin atau dengan sengaja sebagai alasan untuk tidak berkerja hukumnya haram kerana hasil pencarian isteri itu adalah hak mutlak beliau. Suami sepatutnya berkerja mencari nafkah untuk keluarga dan bukan semua tugas itu diserahkan bulat-bulat ke atas bahu isteri.

Ini berdasarkan firman Allah SWT

yang bermaksud: "Golongan lelaki adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah melebihkan lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas perempuan dan kerana lelaki sudah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan salih itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya) dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa juga yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolongan-Nya." (Surah an-Nisa', ayat 34)

### Tanggungjawab lelaki

Ayat itu menjelaskan tanggungjawab lelaki sangat besar. Setiap amanah itu akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat kelak. Oleh itu, berhati-hatilah dengan amanah supaya kita selamat di alam sana.

Namun, ulama seperti Prof Muhammad al-Baltaji dalam bukunya fiqh al-Mar'ah, menjelaskan suami diharuskan untuk mengambil atau menggunakan duit gaji isteri apabila isteri secara sukarela menyerahkannya kepada suami dengan kerelaan hati tanpa paksaan.

## Berjimak ketika edah tak dikira rujuk

**?** Jika seorang isteri yang sudah diceraikan dan ketika dalam edah dia bersama dengan bekas suaminya. Apakah hukumnya dan adakah perkara itu dikira rujuk antara mereka.

**!** Mengikut Mazhab Syafie, rujuk mesti dengan ucapan 'rujuk' daripada suami. Niat rujuk tanpa ucapan rujuk adalah tidak sah. Begitu juga tidak sah rujuk hanya dengan perbuatan (iaitu menyetubuhi isteri). Atas asas itu, Mazhab Syafie menegaskan berjimak ketika dalam edah tidak dikira sebagai rujuk dan perbuatan itu berdosa.

Menurut Dr Ibrahim al-Hifnawi, akad nikah membolehkan seseorang itu berjimak dengan pasangannya. Manakala perceraian (talak) akan membatalkan kebenaran berjimak antara pasangan. Atas sebab itu, haram beristimta' atau berjimak dengan isteri yang diceraikan semasa

dalam edah sebelum dirujuk secara sah.

Imam Ibnu Hajar al-Haitami berpendapat, antara dosa besar yang perlu kita hindari ialah menyetubuhi isteri yang ditalak raj'ie sebelum merujuknya secara sah. Turut diharamkan ialah melihat auratnya, menyentuhnya dan berdua-duaan dengannya.

### Keluar rumah

Oleh itu, suami hendaklah keluar dari rumah apabila dia menceraikan isterinya kecuali jika rumahnya itu besar dan terdapat mahram isteri yang tinggal serumah. Jika dia berada dalam keadaan seperti itu, maka suami dibenarkan untuk terus tinggal di dalam rumah sama sebagai langkah mencari penyelesaian sama ada ingin meneruskan perceraian atau kembali menjadi suami isteri dengan kaedah rujuk yang sah.

Walaupun begitu, tidak dinafikan terdapat pandangan daripada Mazhab Hanafi yang menjelaskan

rujuk boleh berlaku hanya dengan ucapan dan boleh juga hanya dengan perbuatan iaitu menyetubuhi, mencium, menyentuh dan melihat.

Apabila seorang suami menyetubuhi isteri yang diceraikan dengan talak raj'ie dan dia masih dalam edah, maka perbuatannya itu dikira sebagai rujuk sama ada dia berniat rujuk atau tidak. Begitu juga dengan mencium, menyentuh dan melihat farajnya dengan syahwat juga akan dikira sebagai rujuk.

Namun, melakukan perbuatan itu tanpa niat rujuk hukumnya adalah makruh tanzih. Nasihat saya, untuk mengelak berlakunya kecelaruan dalam masalah 'rujuk', maka sila melaporkan hal demikian di Mahkamah Syariah supaya mendapat nasihat yang tepat dan sesuai dengan mazhab.

Dapatkan ilmu yang betul sebelum melakukan sebarang tindakan supaya kita tidak tersalah langkah hingga terjebak dengan perbuatan haram.